

**PERMOHON Tauliah Kebenaran Mengajar Al-Quran / UGAMA / Berceramah UGAMA,
MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI**

- (1) Majlis Ugama Islam sebuah Badan tertinggi di Negara ini mempunyai bidangkuasa bagi mengeluarkan Tauliah kebenaran Mengajar Ugama di Negara Brunei Darussalam selaras dengan kehendak Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang memperuntukkan seperti berikut:

“229 (1). Mana-mana orang yang mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali”

- (2) Tafsiran “Mengajar” adalah termasuk memberi ceramah agama, tazkirah, syarahan, motivasi berbentuk keugamaan atau yang seumpamanya yang berkaitan dengan keugamaan kepada orang ramai.
- (3) Mana-mana orang termasuk mana-mana orang perseorangan, Syarikat, Badan, Persatuan, atau yang seumpamanya sama ada kerajaan atau bukan kerajaan yang menjalankan pengajaran agama hendaklah terlebih dahulu mendapatkan Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama di Negara ini.

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN Tauliah Mengajar Al-Quran / UGAMA /
BERCERAMAH UGAMA**

- (i) Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan Tauliah Mengajar Ugama Majlis Ugama Islam Brunei.
- (ii) Permohonan mendapatkan Tauliah perlu dikemukakan **sebulan lebih awal** daripada tarikh aktiviti mengajar /ceramah dijalankan.
- (iii) Permohonan memperbaharui hendaklah dibuat dalam tempoh 3 minggu sebelum tempoh tamah Tauliah Mengajar Ugama / Berceramah Ugama.
- (iv) Tempat mengajar hendaklah berdaftar penubuhannya terlebih dahulu di Jabatan Majlis Ugama Islam.
- (v) Pemohon hendaklah berkelayakan seperti berikut;
- (a) Warganegara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap
 - (b) Beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (c) Berumur 18 tahun keatas;
 - (d) Sihat tubuh badan dan sempurna akal;
 - (e) Berakhlak dengan akhlak Islam;
 - (f) Berkemampuan menjalankan pengajaran Al-Quran/Ugama/Berceramah Ugama
 - (g) Tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;

(vi) Pemohon hendaklah mempunyai sijil-sijil kelayakan akademik pengajian ugama Islam mengikut kategori permohonan, sekurang-kurangnya di peringkat SPU (Sijil Pelajaran Ugama) atau yang setaraf dengannya atau di peringkat sijil yang diperakui;

(a) Ceramah Ugama:

- Mempunyai kelulusan dalam bidang pengajian ugama Islam sekurang-kurangnya peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengannya.

(b) Mengajar ugama Islam Berkitab

- Mempunyai kelulusan dalam bidang pengajian ugama Islam sekurang-kurangnya di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Ugama, Diploma, Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengannya atau pengajian secara talaqqi yang diperakui.
- Menyenaraikan kitab yang digunakan semasa mengajar ketika menghadiri temuduga.

(c) Mengajar Al-Quran / Ugama

- Mempunyai Sijil Pelajaran Ugama atau sijil yang berkaitan dengan al-Quran dan talaqqi Al-Quran / Ugama atau seumpamanya.
- Boleh membaca al-Quran dan menguasai ilmu tajwid dengan baik dan sebutan huruf yang betul.
- Berkemampuan untuk menjalankan pengajaran al-Quran dan Ugama
- Mengemukakan surat sokongan dari tempat mengajar/Syarikat.
- Menyenaraikan tempat mengajar Al-Quran / Ugama bagi rumah kediaman sendiri / perseorangan

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG,
JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA.